

**Kajian Permasalahan yang Dihadapi oleh Pelajar-Pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Mersing Berasaskan Senarai Semak Mooney: Satu Kajian Lanjutan**

**Azizi Yahaya, Koay Ting Yin, Ismail Maakip, Peter Voo,**  
Universiti Malaysia Sabah

**Sabihah Binti Sapuan**  
Sk Sawah Dato', Mersing  
profazizi\_yahaya@yahoo.com

Dalam kajian ini penyelidik ingin melihat permasalahan yang paling utama, pencapaian akademik pelajar dalam PMR serta mengenal pasti perbezaan permasalahan yang dihadapi berdasarkan demografi pelajar. Kajian dilakukan ke atas 186 orang responden menggunakan soal selidik yang diterjemah daripada MPCL yang dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian A melibatkan demografi pelajar dan bahagian B melibatkan maklum balas pelajar terhadap elemen permasalahan. Maklum balas yang diterima dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 14.0. Statistik deskriptif seperti frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai serta statistik inferensi seperti ujian-t telah digunakan dalam kajian ini. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach adalah  $\alpha = .895$ . Hasil kajian menunjukkan tahap permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di sekolah menengah daerah Mersing berada pada tahap sederhana ( $\text{min} = 3.20$ ). Permasalahan akademik dan kerjaya merupakan permasalahan yang paling utama ( $\text{min} = 3.82$ ) serta tidak terdapat perbezaan permasalahan pelajar mengikut jantina, bangsa dan lokasi sekolah tetapi terdapat perbezaan permasalahan agama dan moral mengikut bangsa ( $k = .01 < \alpha = .05$ ) dan terdapat perbezaan permasalahan persekolahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang dikaji mengikut jantina ( $k = .004 < \alpha = .05$ ) dan lokasi sekolah ( $k = .002 < \alpha = .05$ ). Ini bermakna pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing perlu dibantu bagi mengurangkan permasalahan akademik dan kerjaya, serta tumpuan boleh diberi bagi permasalahan agama dan moral mengikut bangsa dan persekolahan mengikut lokasi sekolah.

**Kata Kunci:** Pencapaian Akademik, Permasalahan Agama dan Moral dan Kerjaya

In this research, the researchers would like to know the main problem faced by the students and their academic achievements in PMR. Demography factors were used as a measurement to determine the differences in problems encountered by the students. The study involved 186 students and the instrument used was a questionnaire of MPCL which includes two sections. Section A included the respondent's demography and section B, the students respond to the lists of problems. The result was analysed using the SPSS 14.0 version. Descriptive analysis such as frequency, per cent, mean and standard deviation and inferential analysis of t-test have been used to test the differences in the construct study. Reliability of MPCL is  $\alpha = .895$ . The result of the study showed that the problems faced the students in secondary school at Mersing district was at the average level (mean = 3.20). The problem in academic and career was the main problem encountered by the students (mean = 3.28), it also showed that there was no difference in gender, race and school location. However, there was a difference in religion and moral based on races ( $p = .01 < \alpha = .05$ ). Besides, there were differences of educational problems in gender ( $p = .002 < \alpha = .05$ ) and school location ( $p = .002 < \alpha = .05$ ). This mean that the form four students in secondary schools at Mersing district need help to solve their academic and career problems and also had to be focused on religion and moral problems according to race and educational problems by school location.

**Key words:** *Academic Achievement Problems, Religion and Moral Problems and Career Problem*

## Pendahuluan

Banyak kajian telah dijalankan di Malaysia berkenaan masalah-masalah remaja sesuai dengan tuntutan semasa. Kajian-kajian yang dijalankan berkaitan masalah-masalah pelajar di bandar dan luar bandar, masalah pelajar di asrama dan masalah pelajar di pusat pengajian tinggi. Aspek yang ditekankan ialah jantina, bangsa dan kategori atau lokasi sekolah. Kajian terhadap permasalahan di kalangan pelajar telah mula dikaji sejak tahun tiga puluhan di luar negara. Beberapa teknik telah digunakan oleh penyelidik seperti temuduga dan soal selidik untuk mengetahui masalah-masalah tersebut.

Mooney dan Gordon (1950) menyenaraikan 11 kategori masalah yang biasanya dikenalpasti oleh pelajar iaitu masalah keluarga, penyesuaian terhadap kerja sekolah, kewangan dan kehidupan, sosial dan hiburan, perkahwinan dan seks, agama dan moral, kesihatan dan fizikal, perhubungan sosial-psikologi, peribadi dan emosi, akademik dan kerjaya dan akhir sekali masalah kurikulum dan kaedah pengajaran. 11 kategori masalah ini terkandung dalam *Mooney Problem Check List* atau Senarai Semak Mooney. Ianya banyak digunakan oleh penyelidik lain sehingga hari ini. Mooney membuat kajian terhadap 600 orang pelajar sekolah tinggi dan mendapat masalah utama yang dihadapi ialah masalah pelajaran dan kerjaya masa depan. Diikuti dengan masalah kewangan dan kehidupan seterusnya masalah penyesuaian terhadap kerja-kerja sekolah.

Sekiranya dihalusi dari kajian-kajian lepas, pelajar khususnya remaja menghadapi masalah penyesuaian kerja sekolah, masa depan dan emosi. Permasalahan ini perlu diatasi agar matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk membentuk individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek dapat direalisasikan. Masalah ini timbul mungkin hasil daripada sistem pendidikan yang dilaksanakan di negara kita yang memberi tumpuan kepada pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam (UPSR, PMR, SPM dan STPM). Pendidikan pelajar ke arah penyuburan nilai kreatif dan proaktif yang membolehkan mereka menilai sesuatu itu sama ada baik atau buruk kurang diberikan penekanan atau mungkin diabaikan. Diharapkan kajian ini dapat digunakan sebagai garis panduan untuk memperkemaskan lagi sistem pendidikan sedia ada khususnya di sekolah yang terlibat.


### **Tujuan**

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk menjawab beberapa persoalan mengenai hubungan permasalahan dengan dermografi pelajar-pelajar sekolah menengah dengan menggunakan Senarai Semak Mooney di sekolah menengah daerah Mersing. Di antara persoalan-persoalannya ialah: (1) Apakah permasalahan pelajar yang utama dalam kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing? (2) Apakah pencapaian akademik pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing? (3) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara permasalahan seperti kewangan, sosial dan hiburan, keluarga, agama dan moral, akademik dan kerjaya dan persekolahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat mengikut jantina di sekolah menengah daerah Mersing? (4) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat mengikut bangsa Melayu dan Cina di sekolah menengah daerah Mersing? (5) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara permasalahan yang dihadapi oleh pelajar mengikut lokasi di sekolah menengah daerah Mersing?

### **Hipotesis Kajian**

- $H_{o1}$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara permasalahan seperti kewangan, sosial dan hiburan, psikologi sosial, keluarga, agama dan moral, akademik dan kerjaya, serta persekolahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat mengikut jantina lelaki dan perempuan di sekolah menengah daerah Mersing.
- $H_{o2}$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara permasalahan seperti kewangan, sosial dan hiburan, psikologi sosial, keluarga, agama dan moral, akademik dan kerjaya, serta persekolahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat mengikut bangsa Melayu dan Cina di sekolah menengah daerah Mersing.
- $H_{o3}$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara permasalahan seperti kewangan, sosial dan hiburan, psikologi sosial, keluarga, agama/moral, akademik dan kerjaya, serta persekolahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat mengikut lokasi sekolah bandar dan luar bandar di sekolah menengah daerah Mersing.

### Kerangka Konseptual



### Persampelan

Kajian ini dilakukan di sekolah menengah daerah Mersing, Johor. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah persampelan rumpun pelbagai peringkat (kluster atas kluster) untuk mendapatkan sampel daripada populasi. Penyelidik telah mengambil sejumlah 186 orang pelajar daripada populasi 351 orang daripada aliran kemanusiaan sebagai responden di sekolah-sekolah yang terlibat sebagai mengatasi kemungkinan kehilangan kutipan data. Bilangan populasi seramai 351 orang ini yang melibatkan 4 buah sekolah daripada lapan buah sekolah di daerah Mersing secara rawak.

### Instrumen Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, penyelidik telah menyediakan satu set borang soal selidik (*Questionnaire survey method*) yang digunakan sebagai instrumen kajian. Menurut Azizi Yahaya et al (2007), soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Borang soal selidik yang disediakan oleh penyelidik mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A, melibatkan latar belakang pelajar. Bahagian ini mengandungi empat item soalan yang memerlukan pelajar menandakan (/) pada kotak jawapan yang disediakan. Responden dikehendaki menyatakan demografi dirinya iaitu jantina, bangsa, lokasi sekolah dan pencapaian akademik. Bahagian B dalam borang soal selidik pula mengandungi 60 item soalan yang dibina sendiri oleh penyelidik daripada senarai semak Mooney berdasarkan objektif kajian dan persoalan kajian. Item-item dalam bahagian B disusun mengikut perkara yang dikaji bagi memudahkan penyelidik membuat analisis pada item-item yang telah dijawab oleh responden.

### Keputusan

**Jadual 1:** Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	90	48.4
Perempuan	96	51.6
Jumlah	186	100

Berdasarkan Jadual 1, Jumlah responden yang dipilih adalah seramai 186 orang. Di dapati bahawa bilangan responden lelaki dan perempuan adalah berbeza. Jumlah responden lelaki adalah seramai 90 orang (48.4 peratus) manakala responden perempuan 96 orang (51.6 peratus). Ini menunjukkan bahawa responden perempuan lebih ramai berbanding responden lelaki.

**Jadual 2:** Taburan responden mengikut bangsa

Bangsa	Frekuensi	Peratus
Melayu	159	85.5
Cina	27	14.5
Jumlah	186	100

Merujuk kepada Jadual 2, didapati 159 orang (85.5 peratus) responden berbangsa Melayu, 27 orang (14.5 peratus) berbangsa Cina. Ini menunjukkan bahawa responden Melayu lebih ramai berbanding responden Cina.

**Jadual 3:** taburan responden mengikut lokasi sekolah

Lokasi	Frekuensi	Peratus
Bandar	73	39.2
Luar Bandar	113	60.8
Jumlah	186	100

Jadual 3 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden berdasarkan lokasi sekolah. Daripada 186 orang responden, 73 orang (39.2 peratus) belajar di sekolah yang terletak di bandar dan 113 orang (60.8 peratus) lagi belajar di sekolah yang terletak di luar bandar. Ini menunjukkan responden yang belajar diluar bandar lebih ramai berbanding responden yang belajar di dalam bandar.

**Jadual 4:** Tahap permasalahan responden mengikut min skor dan sisihan piawai keseluruhan

Permasalahan	Min Skor	Sisihan Piawai	Tahap Permasalahan
Kewangan	3.61	1.21	Sederhana
Sosial dan hiburan	3.29	0.47	Sederhana
Keluarga	2.84	0.41	Sederhana
Agama dan moral	2.32	0.51	Rendah
Akademik dan kerjaya	3.82	0.46	Sederhana
Persekolahan	3.30	0.61	Sederhana
<b>Keseluruhan</b>	<b>3.20</b>	<b>0.26</b>	<b>Sederhana</b>

Jadual 4 memaparkan tentang keputusan mengenai tahap permasalahan responden dengan, permasalahan kewangan berada pada tahap sederhana dengan min keseluruhan 3.61 dan sisihan piawai 1.21. Antara permasalahan kewangan utama ialah pelajar berasa mereka perlu belajar menyimpan wang catatan min 4.56 dan sisihan piawai 0.60. Permasalahan kewangan kedua ialah pelajar berasa mereka perlukan wang untuk meneruskan pelajaran dengan min 4.34 dan sisihan piawai 1.01. Ketiganya, pelajar ingin mendapatkan wang untuk diri sendiri dengan min 3.94 dan sisihan piawai 1.05.

Permasalahan sosial dan hiburan berada di tahap sederhana dengan skor min keseluruhan 3.29 dan sisihan piawai 0.47. Antara permasalahan sosial dan hiburan yang utama ialah pelajar inginkan lebih banyak masa untuk diri sendiri dengan min 3.87 dan sisihan piawai 1.01. Selain itu, pelajar merasa tidak ada perkara yang menarik untuk dilakukan pada masa lapang mereka catatan min 3.67 dan sisihan piawai 1.14. Ketiganya, pelajar berasa mereka akan memgambil masa untuk berkenalan dengan orang dengan min 3.57 dan sisihan piawai 1.08.

Permasalahan keluarga adalah berada pada tahap sederhana dengan min skor keseluruhan 2.84 dan sisihan piawai 0.41. Antara permasalahan keluarga yang utama ialah pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing berasa ibu bapa terlalu banyak berkorban untuk mereka catatan min 4.20 dan sisihan piawai 1.00. Permasalahan keluarga kedua ialah pelajar berasa tidak gembira dengan ibu bapa mereka dengan catatan min 4.17 dan sisihan piawai 1.36. Permasalahan keluarga ketiga ialah pelajar berasa ibu bapa mereka tidak memahami mereka dengan min 3.66 dan sisihan piawai 1.14.

Permasalahan agama dan moral menunjukkan tahap permasalahan rendah dengan min skor keseluruhan 2.32 dan sisihan piawai 0.51. Antara permasalahan agama dan moral yang utama ialah pelajar ingin berhampiran dengan Tuhan dengan min 4.06 dan sisihan piawai 1.39. Keduanya, pelajar berasa ragu untuk menyatakan yang mana betul dan yang mana salah mencatat min 2.81 dan sisihan piawai 1.17. Seterusnya, pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing berasa terganggu dengan perkara-perkara buruk yang dilakukan oleh kanak-kanak lain dengan cacatan min 2.47 dan sisihan piawai 1.15.

Permasalahan akademik dan kerjaya ialah berada pada tahap sederhana dengan skor min keseluruhan 3.82 dan sisihan piawai 0.46. Selain itu, permasalahan akademik dan kerjaya merupakan permasalahan yang paling besar untuk pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing berbanding dengan permasalahan lain. Antara permasalahan akademik yang utama ialah pelajar ingin belajar mengenai sesuatu pekerjaan mencatat min 4.29 dan sisihan piawai 0.92. Seterusnya adalah pelajar berasa ada keperluan untuk mengetahui kebolehan diri dalam sesuatu bidang pekerjaan mencatat min 4.23 dan sisihan piawai 0.79. Ketiganya, pelajar berasa ada keperluan mereka mengambil keputusan tentang pekerjaan masa depan dengan min 4.18 dan sisihan piawai 0.95.

Permasalahan persekolahan berada pada tahap sederhana, mencatat min keseluruhan 3.30 dan sisihan piawai 0.61. Antara permasalahan persekolahan yang paling utama ialah pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing tidak berminat kepada beberapa mata pelajaran yang diikuti dengan min 3.86 dan sisihan piawai 1.22. Permasalahan persekolahan kedua ialah pelajar tidak suka belajar mencatat min 3.59 dan sisihan piawai 1.20. Permasalahan persekolahan ketiga ialah pelajar sendiri rasa tidak belajar dengan secukupnya dengan min 3.48 dan sisihan piawai 1.02.

Secara keseluruhannya, keenam-enam permasalahan tersebut adalah berada pada tahap sederhana dengan min keseluruhan 3.20 dan sisihan piawai 0.26.

**Jadual 5:** Taburan responden mengikut pencapaian dalam mata pelajaran peperiksaan menengah rendah (PMR)

Mata Pelajaran	Min	Sisihan Piawai	Gred
Bahasa Melayu	4.05	0.80	B
Bahasa Inggeris	2.25	1.25	D
Matematik	2.73	1.00	D
Sains	2.82	0.82	D
Sejarah	2.73	1.00	D
Geografi	3.29	0.94	C
Pendidikan Agama Islam	2.82	0.82	D
Kemahiran Hidup	3.43	0.81	C
<b>Keseluruhan</b>	<b>3.15</b>	<b>0.70</b>	<b>C</b>

Daripada Jadual 5, prestasi peperiksaan menengah rendah (PMR) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing adalah berada pada gred B dengan cacatan min 4.05 dan sisihan piawai 0.80. Selain itu, mata pelajaran Bahasa Melayu mempunyai pencapaian yang paling tinggi berbanding dengan mata pelajaran yang lain. Mata pelajaran Geografi dan Kemahiran Hidup pula mendapat gred C di mana min 3.20 serta 3.43 dan sisihan piawai 0.94 serta 0.81 masing-masing. Mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah dan Pendidikan Agama Islam pula mencatat gred D. Min bagi kelima-lima mata pelajaran itu ialah 2.25, 2.73, 2.82, 2.73 dan 2.82, manakala sisihan piawai ialah 1.25, 1.00, 0.82, 1.00 dan 0.82. Secara keseluruhannya, prestasi peperiksaan menengah rendah (PMR) pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing adalah berada di gred C di mana min 3.15 dan sisihan piawai 0.70.

Prestasi untuk mata pelajaran yang berasaskan lebih kepada kerja amali adalah lebih tinggi daripada mata pelajaran yang berasaskan fakta dan akademik. Hal ini kerana kajian ini dijalankan di sekolah beraliran kemanusiaan, pelajar-pelajar adalah lebih berbakat dalam bidang praktikal atau kerja amali. Selain itu, pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris yang lebih rendah daripada mata pelajaran Bahasa Melayu adalah disebabkan kekurangan penggunaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar. Dalam kata lain, peningkatan prestasi mata pelajaran Bahasa Inggeris boleh dicapai jika bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa penghantaran utama dalam kalangan pelajar.

Pencapaian mata pelajaran dalam peperiksaan menengah rendah (PMR) yang lebih lemah dalam mata pelajaran Matematik, Sains dan Sejarah adalah disebabkan pelajar tidak berminat kepada mata pelajaran tersebut, berdasarkan hasil analisis descriptif ujian Mooney dalam kajian ini. Sebab pelajar tidak berminat kepada mata pelajaran tersebut adalah kerana mereka ingin belajar mengenai sesuatu pekerjaan. Pemandangan mereka adalah lebih kepada pembelajaran vokasional, di mana prestasi untuk mata pelajaran yang lebih berasaskan kepada kerja amali seperti mata pelajaran Geografi dan Kemahiran Hidup adalah lebih baik. Selain itu, pelajar ingin juga mengetahui kebolehan diri dalam sesuatu bidang pekerjaan tetapi pelajar berasa mereka tidak belajar dengan secukupnya.

Dari hasil analisis deskriptif kajian ini, pelajar juga sedar bahawa tanggungjawab mereka untuk memgambil keputusan tentang pekerjaan masa depan mereka. Dalam kata lain, pelajar ingin berdikari untuk bertanggungjawab sepenuhnya tentang pekerjaan masa depan mereka dan tidak harap digangu oleh ibu bapa. Namun, realitinya, kebanyakkan ibu bapa mempunyai perancangan sendiri untuk masa depan anak-anak mereka dan ini dilihat oleh pelajar sebagai satu pengorbanan ibu bapa yang terlalu untuk mereka. Hal ini menyebabkan wujudnya permasalahan keluarga dalam pelajar, di mana pelajar berasa ibu bapa tidak memahami mereka dan mereka berasa tidak gembira bersama ibu bapa. Walaupun pelajar ingin membuat keputusan sendiri, tetapi satu permasalahan pelajar dari segi agama dan moral adalah mereka tidak jelas tentang mana yang betul dan mana yang salah untuk dilakukan. Kekeliruan ini juga secara tidak langsungnya menyumbang kepada permasalahan sosial dan hiburan di mana pelajar berasa mereka tidak ada perkara yang menarik untuk dilakukan semasa masa lapang.

### Hipotesis

$H_{01}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara permasalahan seperti kewangan, sosial dan hiburan, psikologi sosial, keluarga, agama dan moral, akademik dan kerjaya, serta persekolahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat mengikut jantina lelaki dan perempuan di sekolah menengah daerah Mersing.

**Jadual 6:** Keputusan ujian- t bagi permasalahan pelajar mengikut jantina

Permasalahan	Jantina	n	Min	Sisihan Piawai	dk	t	Signifikan	Keputusan
Kewangan	Lelaki	90	3.64	0.432	184	0.644	0.52	$k = 0.52 > \alpha = 0.05$ Diterima
	Perempuan	96	3.59	0.456	183.98	0.646		
Sosial dan hiburan	Lelaki	90	3.34	0.470	184	1.388	0.97	$k = 0.97 > \alpha = 0.05$ Diterima
	Perempuan	96	3.24	0.476	183.53	1.389		
Keluarga	Lelaki	90	2.88	0.470	184	1.25	0.02	$k = 0.02 < \alpha = 0.05$ Ditolak
	Perempuan	96	2.80	0.352	164.68	1.24		
Agama dan Moral	Lelaki	90	2.40	0.509	184	2.052	0.89	$k = 0.89 > \alpha = 0.05$ Diterima
	Perempuan	96	2.25	0.502	182.90	2.052		
Akademik dan Kerjaya	Lelaki	90	3.80	0.490	184	-0.549	0.32	$k = 0.32 > \alpha = 0.05$ Diterima
	Perempuan	96	3.84	0.432	177.53	-0.547		
Persekolahan	Lelaki	90	3.23	0.687	184	-1.460	0.04	$k = 0.04 < \alpha = 0.05$ Ditolak
	Perempuan	96	3.36	0.531	167.54	-1.448		

Permasalahan keluarga dan permasalahan persekolahan mempunyai perbezaan yang signifikan antara lelaki dan perempuan (Jadual 6). Keputusan ujian-t untuk permasalahan keluarga mengikut jantina ialah  $t(184) = 1.25$ ,  $k = .02$ , manakala permasalahan persekolahan mengikut janitna ialah  $t(184) = -1.24$ ,  $k = .04$ .

Dalam permasalahan keluarga, min lelaki 2.88 adalah lebih tinggi daripada min perempuan 2.80. Hal ini menunjukkan pelajar lelaki menghadapi permasalahan keluarga yang lebih tinggi atau banyak daripada pelajar perempuan di mana terdapat perbezaan yang signifikan dalam statistik. Bedasarkan ujian Mooney dalam penyelidikan ini, jenis permasalahan keluarga yang dihadapi oleh pelajar termasuklah pelajar berasa ibu bapa mereka terlalu berkorban untuk mereka; pelajar tidak gembira dengan ibu bapa; dan ibu bapa tidak memahami mereka.

Manakala permasalahan persekolahan, min lelaki 3.23 adalah lebih rendah daripada min perempuan 3.36. hal ini menunjukkan pelajar perempuan menghadapi permasalahan persekolahan yang lebih tinggi atau banyak jika berbanding dengan pelajar lelaki. Sekali lagi, ujian Mooney dalam penyelidik ini menunjukkan permasalahan persekolahan adalah seperti pelajar tidak berminat dengan beberapa mata pelajaran yang diikuti; pelajar sedar bahawa mereka tidak suka belajar; dan tidak belajar dengan secukupnya. Penerokaan yang lebih lanjut diperlukan supaya lebih mendekati dengan permasalahan pelajar dan memahami permasalahan pelajar dengan lebih spesifik.

Bagi permasalahan kewangan, sosial dan hiburan, agama dan moral, serta akademik dan kerjaya, keputusan ujian t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara permasalahan-permasalahan mengikut jantina. Dalam kata lain, pertemuan permasalahan kewangan, sosial dan hiburan, agama dan moral, serta akademik dan kerjaya adalah sama untuk pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

$H_02$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara permasalahan seperti kewangan, sosial dan hiburan, psikologi sosial, keluarga, agama dan moral, akademik dan kerjaya, serta persekolahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat mengikut bangsa Melayu dan Cina di sekolah menengah daerah Mersing.

**Jadual 7:** Keputusan ujian- t bagi permasalahan pelajar mengikut bangsa

Permasalahan	Bangsa	n	Min	Sisihan Piawai	dk	t	Signifikan	Keputusan
Kewangan	Melayu	159	3.63	0.43	184	1.216	0.55	$k = 0.55 > \alpha = 0.05$ Diterima
	Cina	27	3.52	0.47	34.05	1.154		
Sosial dan hiburan	Melayu	159	3.31	0.48	184	0.231	0.23	$k = 0.23 > \alpha = 0.05$ Diterima
	Cina	27	3.14	0.39	40.69	2.059		
Keluarga	Melayu	159	2.84	0.41	184	-	0.47	$k = 0.47 > \alpha = 0.05$ Diterima
	Cina	27	2.87	0.39	36.6	0.391		
Agama dan Moral	Melayu	159	2.32	0.48	184	-	0.01	$k = 0.01 < \alpha = 0.05$ Ditolak
	Cina	27	2.32	0.64	31.32	0.001		
Akademik dan Kerjaya	Melayu	159	3.82	0.45	184	0.256	0.22	$k = 0.22 > \alpha = 0.05$ Diterima
	Cina	27	3.80	0.52	32.84	0.230		
Persekolahan	Melayu	159	3.31	0.59	184	0.412	0.06	$k = 0.06 > \alpha = 0.05$ Diterima
	Cina	27	3.25	0.73	31.92	0.352		

Permasalahan agama dan moral mempunyai perbezaan yang signifikan mengikut bangsa. Keputusan ujian t menunjukkan  $t (184) = -0.001$ ,  $k = .01$  (lihat Jadual 7). Min untuk bangsa Melayu dalam permasalahan agama dan moral adalah sama dengan bangsa Cina, 2.32. Hal ini menunjukkan walaupun min permasalahan agama dan moral adalah sama, namun wujudnya perbezaan yang signifikan antara kedua-dua bangsa. Hasil ini mungkin kerana perbezaan agama dan budaya bangsa masing-masing. Bedasarkan ujian Mooney dalam kajian ini, permasalahan agama dan moral yang utama termasuklah pelajar ingin menghampiri dengan Tuhan; pelajar berasa ragu untuk menyatakan yang mana betul dan yang mana salah; dan pelajar berasa terganggu dengan perkara-perkara buruk yang dilakukan oleh kanak-kanak lain.

Bagi permasalahan kewangan, sosial dan hiburan, keluarga, akademik dan kerjaya, serta persekolahan, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara permasalahan-permasalahan mengikut bangsa. Dalam kata lain, pertemuan permasalahan-permasalahan kewangan, sosial dan hiburan, keluarga, akademik dan kerjaya, serta persekolahan adalah sama untuk bangsa Melayu dan bangsa Cina.

$H_03$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara permasalahan seperti kewangan, sosial dan hiburan, psikologi sosial, keluarga, agama/moral, akademik dan kerjaya, serta persekolahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat mengikut lokasi sekolah bandar dan luar bandar di sekolah menengah daerah Mersing.

**Jadual 8:** Keputusan ujian-t bagi permasalahan pelajar mengikut lokasi sekolah

Permasalahan	Lokasi Sekolah	N	Min	Sisihan Piawai	dk	t	Signifikan	Keputusan
Kewangan	Bandar	73	3.61	0.48	184	-	0.051	k = 0.051
	Luar bandar	113	3.62	0.41	137.80	0.079	-	> a = 0.05
Sosial dan hiburan	Bandar	73	3.32	0.51	184	0.74	0.44	Diterima
	Luar Bandar	113	3.37	0.44	137.26	0.72	-	k = 0.44 > a = 0.05
Keluarga	Bandar	73	2.90	0.416	184	1.454	0.46	Diterima
	Luar Bandar	113	2.80	0.411	152.69	1.451	-	k = 0.46 > a = 0.05
Agama dan Moral	Bandar	73	2.29	0.54	184	-0.75	0.26	Diterima
	Luar Bandar	113	2.34	0.48	140.79	-0.74	-	k = 0.26 > a = 0.05
Akademik dan Kerjaya	Bandar	73	4.01	0.42	184	4.75	0.94	Diterima
	Luar Bandar	113	3.70	0.44	156.78	4.78	-	a = 0.05
Persekutuan	Bandar	733	3.38	0.51	184	1.39	0.002	Ditolak
	Luar Bandar	113	3.25	0.66	178.97	1.47	-	k = 0.002 < a = 0.05

Keputusan yang ditunjukkan dalam Jadual 8 memaparkan bahawa permasalahan persekolahan mempunyai perbezaan yang signifikan antara lokasi sekolah di bandar dan luar bandar. Keputusan ujian t menunjukkan  $t(184) = 1.39$ ,  $k = .002$ . Min permasalahan persekolahan untuk sekolah di bandar 3.38 adalah lebih tinggi daripada sekolah di luar bandar. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar yang bersekolah di bandar menghadapi permasalahan persekolahan lebih tinggi atau banyak daripada pelajar yang bersekolah di luar bandar. Jenis permasalahan persekolahan utama yang dihadapi oleh pelajar adalah seperti mana yang dibincangkan dalam keputusan ujian t mengikut jantina.

Bagi permasalahan seperti kewangan, sosial dan hiburan, keluarga, agama dan moral, serta akademik dan kerjaya, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara permasalahan-permasalahan tersebut dengan lokasi sekolah. Dalam kata lain, pertemuan permasalahan-permasalahan kewangan, sosial dan hiburan, keluarga, agama dan moral, serta akademik dan kerjaya adalah sama untuk pelajar di bandar dan pelajar di luar bandar.

### Perbincangan

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan dapat dirumuskan bahawa responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar aliran kemanusiaan di sekolah menengah daerah Mersing yang dikaji, menghadapi permasalahan utama dalam akademik dan kerjaya. Dapatkan tersebut bersesuaian dengan keperluan responden yang menunjukkan ingin belajar mengenai sesuatu pekerjaan merupakan pernyataan yang paling banyak dipersetujui oleh pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing. Manakala pernyataan tidak berminat kepada beberapa mata pelajaran yang diikuti merupakan pernyataan yang paling banyak dipersetujui oleh pelajar-pelajar yang dikaji. Menurut Sidek (1996), motivasi dan kendiri pelajar sekolah dapat ditingkatkan dengan memberi penekanan kepada program perancangan pendidikan tinggi dan kerjaya.

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Ismail Ahmad (2000) dalam kajiannya ke atas pelajar-pelajar tingkatan 2 dan 4 di sekolah menengah daerah Johor Bahru mendapati bahawa hasil kajian kategori masalah dengan demografi jantina, tingkatan dan aliran menunjukkan kategori masalah yang paling mengganggu pelajar adalah pelajaran dan kerjaya masa depan.

Permasalahan agama dan moral pula merupakan permasalahan yang paling kurang dihadapi oleh responden yang dikaji dan berada pada tahap rendah. Dapatan tersebut menunjukkan petanda positif kerana menurut Jessor dan Jessor (1977), individu boleh mengawal diri daripada melakukan tingkah laku negatif dan seterusnya dapat melakukan tingkah laku positif berdasarkan kekuatan pegangan agama dan kepercayaan. Persekutaran (keluarga, rakan-rakan dan individu lain yang signifikan seperti guru-guru) memainkan peranan penting menyemai dan menguatkan pegangan agama dan kepercayaan. Pegangan agama dan kepercayaan yang kuat dapat menghindarkan individu melakukan tingkah laku negatif. Menurut Jessor dan Jessor lagi, persekitaran (keluarga dan sekolah) dapat menjadi model atau contoh kepada tingkah laku individu. Sekiranya model atau contoh yang hampir dengan individu tersebut positif, maka proses modeling dan pembelajaran sosial mudah berlaku dan individu tersebut akan terdorong untuk bertingkah laku positif. Sekiranya negatif, maka proses modeling dan pembelajaran sosial akan terdorong untuk bertingkah laku negatif juga.

Hasil kajian ini menunjukkan pencapaian responden dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) berada pada tahap sederhana. Daripada hasil kajian didapati keperluan utama pelajar-pelajar sekolah menengah adalah perancangan pendidikan tinggi dan kerjaya, di mana mereka memerlukan bimbingan dan pendedahan dalam perancangan pendidikan tinggi serta maklumat kerjaya. Keperluan kedua adalah pembelajaran di mana pelajar-pelajar memerlukan bimbingan dan panduan dalam strategi belajar berkesan dalam beberapa mata pelajaran tertentu.

Namun di sekolah juga boleh menjadi punca masalah pelajar terutama yang berada pada tahap bawah pencapaian atau pencapaian rendah. Ramai pelajar gagal untuk memenuhi harapan yang diletakkan oleh ibu bapa dan sekolah. Mereka sering mengalami masalah dalam kehidupan persekolahan mereka. Terdapat bebagai-bagai sebab mengapa pelajar memperolehi pencapaian yang rendah. Antaranya ialah murid sering sedih dan risau. Keadaan sedih dan risau ini boleh mengganggu prestasi pelajaran pelajar kerana tidak dapat memberi tumpuan penuh kepada pelajaran.

Terdapat perbezaan yang signifikan antara permasalahan keluarga yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat mengikut jantina lelaki dan perempuan di sekolah menengah daerah Mersing. Terdapat perbezaan yang signifikan antara permasalahan persekolahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat mengikut jantina lelaki dan perempuan di sekolah menengah daerah Mersing. Keputusan kajian yang diperolehi mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Noriasah (2006). Beliau membuat kajian terhadap pelajar tahun satu fakulti pendidikan UTM dan hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan permasalahan dari segi demografi jantina bagi kursus pengajian. Dapatan tersebut juga disokong oleh Bhasah (2009), tidak terdapat perbezaan keperluan pelajar dalam aspek kesihatan, kendiri sosial, kendiri peribadi, keluarga, pembelajaran dan perancangan pendidikan tinggi dan kerjaya di kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan pelajar sekolah menengah di Hilir Perak.

Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara permasalahan agama dan moral yang dihadapi oleh responden Melayu dan responden Cina. Ini menggambarkan permasalahan agama dan moral bagi responden bangsa Melayu adalah berbeza daripada responden bangsa Cina. Terdapat perbezaan yang signifikan antara permasalahan persekolahan yang dihadapi oleh responden bandar dan luar bandar. Dapatan tersebut menggambarkan permasalahan persekolahan yang dihadapi oleh responden bandar dan luar bandar tidak serupa. Walau bagaimanapun dapatan keseluruhan bagi permasalahan persekolahan yang dihadapi oleh responden di sekolah bandar dan luar bandar berada pada tahap sederhana.

## Cadangan

**Hasil kajian ini mencadangkan beberapa langkah antaranya:**

- i. Para pelajar seharusnya lebih kerap berjumpa dengan guru untuk berbincang mengenai masalah yang dihadapi dalam pelajaran. Melalui perbincangan ini para pelajar akan dapat mengatasi masalah yang timbul terutamanya berkaitan pelajaran dan kerjaya masa depan. Pemikiran pelajar bahawa perbincangan masalah sendiri dengan prang lain adalah satu perbuatan yang menjatuhkan maruah dan air muka perlu dibasmikan dalam kalangan pelajar. Budaya berani untuk mengkongsikan masalah perlu dipelajari oleh pelajar supaya permasalahan pelajar dapat diatasi dengan lebih efisen dan cepat.
- ii. Walaupun remaja mampu menangani masalah dan tanggungjawab yang diberikan, namun bantuan dan bimbingan guru masih diperlukan dalam menentukan batas-batas kebebasan dan perlakuan. Guru tidak semestinya prihatin kepada prestasi akademik pelajar sahaja namun juga kepada peribadi pelajar dan sosial mereka. Maksud aspek peribadi pelajar adalah merujukkan kepada situasi keluarga pelajar, kewangan serta agama dan moral mereka. Kesederhanaan dan bimbingan adalah cara komunikasi yang baik.
- iii. Pihak pentadbir sekolah juga memainkan peranan penting dalam perkembangan minda dan diri pelajar. Pelaksanaan program-program motivasi, kepimpinan dan pembangunan pelajar dapat memupuk perkembangan minda yang positif. Oleh itu sekolah perlu menujuhkan Jawatankuasa Bimbingan Pelajar Sekolah (SPI Bil.1/1985), bertujuan untuk mewujudkan suasana yang seimbang di antara perkembangan mental dengan perkembangan sosial, rohani dan jasmani pelajar; mengadakan aktiviti-aktiviti di sekolah supaya pelajar-pelajar boleh mengisi masa lapang mereka dengan gerak kerja yang bermanfaat dan dengan itu dapat menghindarkan pelajar-pelajar dari tercebur dalam gerak kerja yang tidak diliungi seperti ponteng sekolah, penyalahgunaan dadah, membuang masa di pusat-pusat membeli belah atau melibatkan diri dengan kumpulan-kumpulan yang kurang sihat.
- iv. Mewujudkan persekitaran dan iklim sekolah yang sihat akan dapat menarik minat pelajar untuk ke sekolah dan menyegarkan jiwa mereka. Pelajar tidak hadir ke sekolah adalah disebabkan wujudnya masalah seperti mana yang ditunjukkan dalam ujian Mooney dalam penyelidikan ini. Namun, initiatif pelajar yang mengalami permasalahan-permasalahan tersebut untuk meminta bantuan atau pertolongan dari pihak sekolah adalah rendah. Hal ini disebabkan oleh budaya timur, mementingkan air muka sehingga kurang berani dan sudi untuk meminta bantuan dari orang lain, seperti pihak sekolah atau kaunselor. Selain daripada budaya timur, budaya barat di mana pelajar barat lebih proaktif dalam mencari pertolongan atau penyelesaian, perjumpaan dengan kaunselor adalah perkara biasa di sana. Nanum, agak sensetif untuk pelajar timur kalau berjumpa dengan kaunselor. Disiplin dan budaya sekolah yang baik sangat penting dalam mendidik remaja. Oleh itu, pihak sekolah perlu memastikan persekitaran dan budaya yang kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran wujud di sekolah.
- v. Dapatkan kajian juga boleh digunakan oleh pihak sekolah untuk merancang program-program perkembangan diri dan pencegahan dalam Unit Bimbingan dan Kaunseling, Unit Agama dan Kerohanian di sekolah bagi mencapai matlamat menghasilkan pelajar cemerlang dan berketerampilan.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing yang terlibat dalam kajian ini berada pada tahap sederhana. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, akademik dan kerjaya merupakan permasalahan utama yang dihadapi oleh responden. Ini diikuti oleh permasalahan kewangan sebagai permasalahan kedua dan permasalahan persekolahan sebagai permasalahan ketiga. Manakala permasalahan sosial dan hiburan serta keluarga masing-masing merupakan permasalahan keempat dan kelima. Permasalahan agama dan moral pula merupakan permasalahan yang paling kurang dihadapi oleh responden. Kesemua permasalahan ini merupakan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing di mana berada pada tahap sederhana.

Secara umumnya, prestasi peperiksaan menengah rendah (PMR) pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Mersing adalah berada pada gred C. Pencapaian mata pelajaran yang tertinggi dalam peperiksaan menengah rendah (PMR) ialah mata pelajaran Bahasa Melayu, diikuti dengan mata pelajaran Kemahiran Hidup dan Geografi. Mata pelajaran Bahasa Inggeris mempunyai prestasi yang terendah berbanding dengan mata pelajaran lain. Kekruangan prestasi pelajar dalam peperiksaan menengah rendah (PMR) adalah disebabkan wujudnya permasalahan dalam pelajar biasanya, permasalahan akademik dan kerjaya, permasalahan persekolahan dan permasalahan keluarga. Permasalahan-permasalahan yang telah dibincangkan dalam kajian ini hanya satu permahaman yang ringkas dan singkat tentang jenis-jenis permasalahan yang dihadapi oleh pelajar. Instrumen Mooney yang telah digunakan dalam kajian ini adalah berfungsi sebagai satu eviden sampingan untuk mengetahui permasalahan pelajar. Permasalahan sebenar pelajar harus diteroka dan dikaji dengan lebih lanjut berorientasi individu kerana permasalahan pelajar yang spesifik adalah unik namun, tidak akan berlari dari domain-domain permasalahan yang telah didapatkan dalam kajian ini. Oleh itu, unit kaunseling dan bimbingan adalah diperlukan dengan skop kerja yang tidak hanya berorientasi kepada program kerjaya dan ceramah motivasi, namun juga perkhidmatan kaunseling yang profesional dan bimbingan yang bersesuaian.

Hasil kajian ujian t menunjukkan permasalahan keluarga untuk pelajar lelaki adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar perempuan manakala permasalahan persekolahan yang dihadapi oleh pelajar perempuan pula adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki. Permasalahan yang lain tidak mempunyai perbezaan yang signifikan mengikut janitna. Dalam kata lain, permasalahan-permasalahan kewangan, sosial dan hiburan, agama dan moral serta akademik dan kerjaya adalah sama untuk pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Walaupun hasil analisis ujian t menunjukkan permasalahan agama dan moral untuk pelajar berbangsa Melayu dan pelajar berbangsa Cina adalah sama, namun wujudnya perbezaan yang signifikan antara kedua-dua bangsa. Permasalahan yang lain adalah sama untuk pelajar berbangsa Melayu dan pelajar berbangsa Cina.

Permasalahan persekolahan adalah berbeza antara sekolah di bandar dan sekolah di luar bandar, di mana pelajar yang bersekolah di bandar mempunyai permasalahan persekolahan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang bersekolah di luar bandar.

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak iaitu ibu bapa, guru-guru, sekolah dan masyarakat memastikan pelajar yang tergolong sebagai remaja dibimbing bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul masa kini dan akan datang. Pepatah melayu menyatakan ‘mendidik anak biarlah dari rebungnya’, pepatah ini menyokong panduan yang telah digariskan dalam islam di mana hadis Rasulullah Saw bermaksud, *bahawa setiap anak Adam itu dilahirkan dalam keadaan fitrah. Maka ibu bapanya dan alam sekitarnya lah yang akan menjadikannya, Yahudi atau Nasrani atau majusi*, (Hadis Riwayat Muslim). Daripada hadis ini dapat dilihat pengiktirafan islam bahawa ibu bapa amat memainkan peranan penting dalam menentukan masa hadapan anak-anaknya. Daripada kain yang putih bersih, ibu bapa disuruh mencorakkan anaknya dan hanya ibu bapa yang tinggi iman dan amalnya dapat membawa kebaikan kepada dewasanya anak itu kelak.

Akhirnya, diharapkan dapatkan kajian ini akan dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar yang terdiri daripada golongan remaja, guru-guru, ibu bapa, pihak sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah dan Jabatan Pelajaran Negeri untuk dijadikan sebagai satu panduan bagi tujuan merancang program-program perkembangan diri dan pencegahan dalam Unit Bimbingan dan Kaunseling dan Unit Agama dan Kerohanian di sekolah pada masa akan datang. Semoga usaha ini dapat dilaksanakan dengan jayanya demi untuk membentuk pelajar yang cemerlang dan berketrampilan.

### Rujukan

- Azizi Yahaya, Jamaluddin Ramli, Abdul Latif Ahmad, & Zurhana Muhamad (2007). *Buli*. Skudai: Penerbit UTM.
- Azizi Yahaya, Fawziah Yahya, Zurihanmi Zakariya, & Nordin Yahaya (2005). *Pembangunan Kendiri*. Skudai: Penerbit UTM.
- Azizi Yahaya, & Shahrin Hashim. (2007). *Pendidikan Kekeluargaan*. Skudai: Penerbit UTM.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam pendidikan; teori, analisis dan Interpretasi data*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Bhasah Abu Bakar. *Asas Pengukuran Bilik Darjah*. Edisi Kedua. Tanjung Malim: Quantum Books.
- Brammer, R dan Faee Chen, Ching. (t.t) *The Effect Of Expanding Gender Roles On Behavioral Problems: A Comparison Of Female College Students In Taiwan*. Retrieved from: [www.multiculturaljournal.com/current/brammer2.html](http://www.multiculturaljournal.com/current/brammer2.html)
- Erikson, & Erik H. (1968). *Identity Youth and Crisis*. W. W. Norton & Company.
- Fennema, E.H., & Sherman, J.A. (1978). Sex-related differences in mathematic achievement and related factors: A further study. *Journal for research in Mathematic Education*, 9, 355-360.
- Fritz, G. (1995). Child, adolescent depression distinct from the adult version. *The Brown University Child and Adolescent Behavior Letter*, 11, 1-3.
- Hasan Ali. (1999). *Kaedah Mendidik Remaja Kini*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hasnah Hamzah. ( 2007). *Hubungan Kategori Masalah Dengan Demografi Pelajar-pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Zon Pasir Guda Berasaskan "Mooney Problem Check List"*. Tesis Ijazah Sarjana Psikologi Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ismail Ahmad. (2000). *Satu Tinjauan Mengenai Kategori-kategori Masalah di kalangan Pelajar pelajar di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru, Johor*. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Jas Laile Suzana Jaafar. (2008). *Pengenalan kepada Psikologi Kanak-kanak dan Remaja*. Shah Alam : Penerbit Arah Pendidikan Sdn. Bhd.
- Jessor, R., & Jessor, S. L. (1977). *Problem behaviour and psychosocial development: A longitudinal study of youth*. New York:Academic.
- Johnson, J. (1989). *Effects of sucessful female role model on young woman's attitude toward traditionally male careers*. Paper presented at the annual conference of the association for Educational Comunication and Technology, Dallas T.X
- Lamarine, R. (1995). Child and adolescent depression. *Journal of School Health*, 65, 390-394.
- Lewinsohn, P. M., Clarke, G. N., Hops, H., & Andrews, J. (1990). Cognitive behavioral treatment for depressed adolescents. *Behavior Therapy*, 21, 385-401.
- Mooney, R., & Gordon, L. (1950). *A manual for Mooney problem checklists*. New York: Psychological Corporation, 1950.
- Noriasah Osman Teng (2006). *"Tinjauan Kategori Masalah Dengan Demografi Di Kalangn Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Berasaskan "Mooney Problem Check List"*UTM: Projek Sarjana Muda.
- Sidek Mohd Noah. (1996). *Modul EDU 310: Penilaian dalam kaunseling*. Universiti Putra Malaysia, Serdang: IDEAL.